



IJM CORPORATION BERHAD  
(104131-A)

### **PERNYATAAN DASAR TENTANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

IJM Corporation Berhad dan kumpulan syarikatnya komited untuk sentiasa menambah baik Sistem Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar dengan objektif yang berikut:

- Mencegah Kemalangan
- Mencegah Penyakit Pekerjaan

Berpandukan moto kami, iaitu “**Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar adalah Tanggungjawab Semua**”, Kumpulan akan berusaha untuk:

- Menyediakan keadaan kerja yang selamat dan sihat dalam semua operasi Organisasi;
- Mematuhi semua undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta kehendak lain yang terpakai;
- Mengenal pasti dan menguruskan konteks organisasi serta bahaya, risiko dan peluang yang wujud disebabkan strategi/aktiviti/produk/perkhidmatan dalam Organisasi;
- Menilai dan menyingkirkan bahaya serta mengurangkan risiko Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dianggap perlu daripada hasil penilaian;
- Menyediakan latihan, maklumat dan kemudahan untuk meningkatkan kebertanggungjawaban dan pelibatan pada semua peringkat Organisasi termasuk pekerja dan wakil masing-masing serta memberikan kesedaran kepada pihak berkepentingan; dan
- Memantau dan mengkaji semula secara berkala objektif yang ditetapkan.

  
Liew Hau Seng  
Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan  
3 September 2019